

TAHAP KEFAHAMAN BELIA FELDA WILAYAH JENGKA PAHANG TERHADAP AYAT-AYAT *MUTASYĀBIHĀT*

THE LEVEL OF UNDERSTANDING OF FELDA YOUTH IN THE JENGKA REGION OF PAHANG TOWARDS MUTASYĀBIHĀT VERSES

Muhamat Faizal bin Marjani¹

Fauzi bin Azmi^{2*},

Saiful Johari bin Musaha²,

Asjad Mohamed³

¹ Menara FELDA, Platinum Park, No 11 Jalan Persiaran KLCC 50088 Kuala Lumpur.

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka 26400, Pahang, Malaysia

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, 26400 Bandar Jengka

*Corresponding author: fawwaz@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Marjani, M. F., Azmi, F., Musaha, S. J., & Mohamed, A. (2025). Tahap kefahaman belia FELDA Wilayah Jengka Pahang terhadap ayat-ayat mutasyābihāt. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 246 – 264.

Abstrak: Ayat al-Quran terbahagi kepada dua kategori, iaitu; ayat muḥkamāt dan ayat mutasyābihāt. Kefahaman sebenar terhadap pengertian ayat-ayat ini sering menjadi polemik dalam dunia Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman belia Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("FELDA") Wilayah Jengka, Pahang terhadap ayat-ayat mutasyābihāt dan menjelaskan pegangan ulama Ahli Sunnah wal Jamaah terhadap ayat-ayat tersebut. Metodologi kajian ini ialah gabungan kualitatif dan kuantitatif. Pengumpulan data melalui metode kajian kepustakaan dan borang kaji selidik. Data kuantitatif diperoleh daripada borang soal selidik dan data kualitatif daripada analisis statistik deskriptif. Responden bagi mewakili sampel kajian telah diuji menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages For Social Sciences (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman belia FELDA terhadap ayat-ayat mutasyābihāt berada pada tahap yang memuaskan, dengan min kefahaman sebanyak 64.9. Sebanyak min 14.1 menunjukkan kecenderungan memahami ayat-ayat mutasyābihāt melalui pendekatan tasybīh. Sementara itu, min 14.5 mencerminkan responden yang tidak mengetahui dan tidak memahami langsung ayat-ayat tersebut, manakala baki min 6.5 menunjukkan responden yang berada dalam keadaan keliru dalam memahami ayat-ayat mutasyābihāt. Kajian ini berjaya memenuhi objektifnya iaitu mengenalpasti tahap kefahaman belia FELDA Wilayah Jengka terhadap ayat-ayat mutasyābihāt. Dalam isu ini kelihatan kecenderungan belia ke arah pemahaman yang benar dan tepat. Namun terdapat nilai min 14.1 kefahaman responden dengan kefahaman tasybīh yang tidak boleh diambil ringan dan mudah. Justeru satu langkah drastik perlu dilakukan bagi menjelaskan kefahaman ayat-ayat mutasyābihāt yang benar dan tepat terhadap semua lapisan masyarakat, bukan hanya kepada golongan belia sahaja. Di akhir kajian penulis mencadangkan lima langkah bagi

meningkatkan kefahaman agama secara am dan dalam ayat mutasyābihāt secara khas dalam kalangan warga FELDA Wilayah Jengka.

Kata Kunci: *Kefahaman, belia, FELDA, mutasyābihāt, tasybih*

Abstract: *Qur'anic verses are divided into two categories: muḥkamāt (clear and decisive) and mutasyābihāt (ambiguous or allegorical). A true understanding of these verses has often sparked debate within the Islamic world. This study aims to assess the level of understanding among FELDA youth in the Jengka Region of Pahang regarding mutasyābihāt verses and to explain the position of scholars from the Ahl al-Sunnah wal Jama'ah on these verses. The methodology of this study combines both qualitative and quantitative approaches. Data collection was conducted through literature review and survey forms. Quantitative data was obtained from questionnaires, while qualitative data was derived from descriptive statistical analysis. Respondents representing the study sample were tested using a questionnaire, which was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software. The findings indicate that the level of understanding among FELDA youth regarding mutasyābihāt verses is satisfactory, with a mean score of 64.9. A mean of 14.1 reflects respondents who interpret mutasyābihāt verses through the lens of tasybīh (anthropomorphism). Meanwhile, a mean of 14.5 represents those who do not know or understand the verses at all, and the remaining mean of 6.5 indicates respondents who are confused in their understanding of these verses. This study successfully meets its objective of identifying the level of understanding among FELDA youth in the Jengka Region regarding mutasyābihāt verses. The findings show a general tendency among youth towards correct and accurate understanding. However, the mean score of 14.1 for tasybīh-based interpretation is a concern that should not be taken lightly. Therefore, a proactive and comprehensive effort is needed to clarify the correct understanding of mutasyābihāt verses across all segments of society—not just among youth. At the conclusion of the study, the researcher proposes five strategic steps to enhance religious understanding in general, and specifically regarding mutasyābihāt verses, among the FELDA community in the Jengka Region.*

Keywords: *Understanding, youth, FELDA, mutasyābihāt, anthropomorphism*

Pengenalan

Al-Quran mengandungi dua jenis ayat, iaitu ayat-ayat *muḥkamāt* dan ayat-ayat *mutasyābihāt* (Ibn Kathir, 1998). Firman Allah SWT: *Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad SAW) Kitab Suci al-Quran. Sebahagian besar daripada al-Quran itu ialah ayat-ayat Muḥkamāt (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muḥkamāt itu ialah induk (ayat pokok) isi al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat Mutasyābihāt (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbullah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) – adapun orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar daripada Al-Quran dan mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukai dirinya) Padahal tiada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksud yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata, “Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya daripada sisi Tuhan kami”. dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang yang beriman (Surah Ali-Imran 3: 7).*

Menurut Idris al-Marbawi (2013), terdapat beberapa kelompok yang gagal memahami ayat-ayat *mutasyābihāt* dan menakwilkannya dengan takwilan yang sesat. Antara kelompok tersebut ialah Rāfīdah, Qaramithah, dan Mujassimah. Arsyad al-Banjari (2015) turut menambah kelompok Jahmiyah, manakala Muhadir Joll (2020) pula menambah kelompok Muktaizilah. Kesemua firqah (kelompok) ini telah menakwil ayat-ayat *mutasyābihāt* secara batil. Sebahagian daripada mereka, seperti Muktaizilah dan Jahmiyah, menafikan terus sifat-sifat Allah SWT, manakala sebahagian yang lain seperti Mujassimah dan Rāfīdah pula menjisimkan Allah SWT. Berkesinambungan daripada kegagalan memahami ayat-ayat *mutasyābihāt*, perpecahan dalam kalangan umat Islam semakin meruncing, khususnya apabila memasuki era teknologi tanpa wayar. Kecetekan ilmu, yang digabungkan dengan keinginan untuk dilihat sebagai tokoh agama, telah mendorong segelintir pengguna media sosial membantah pandangan para ilmuwan yang merupakan pakar dalam bidang agama. Lebih membimbangkan, bantahan tersebut sering disertai dengan tuduhan berat seperti syirik, bidaah, bahkan kafir (Asmadi, 2010). Hal ini sangat merugikan umat Islam yang seharusnya bersaudara sedangkan saf barisan musuh sedang menyatu, barisan sesama umat Islam semakin renggang dan meretak kerana perbezaan pemikiran disebabkan kepelbagaian tafsiran dan pemahaman nas yang satu.

Penyataan Masalah

Permasalahan berkaitan ayat-ayat *mutasyābihāt* tidak timbul pada zaman Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana setiap kekeliruan yang timbul dalam kalangan para sahabat akan dijelaskan secara langsung oleh Baginda SAW. Tambahan pula, terdapat sahabat yang telah didoakan oleh Nabi SAW agar diberikan kefahaman mendalam tentang agama serta dikurniakan kebijaksanaan dalam menakwil al-Quran (Mustaffa Abdullah, 2014). Justeru, pada zaman awal sahabat, tidak berlaku sebarang konflik atau isu berkaitan kefahaman terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt*.

Namun, permasalahan ini mula muncul selepas kewafatan baginda SAW apabila segelintir umat Islam mula memahami ayat-ayat *mutasyābihāt* secara literal, lalu menggambarkan zat Allah SWT berdasarkan makna zahir ayat tersebut. Akibatnya, pendekatan literal yang keterlaluan ini telah membawa kepada fahaman *tasybīh* (penyerupaan) dan *tajsim* (penjasadan) terhadap Allah SWT. Golongan yang membawa fahaman ini dikenali sebagai Musyabbihah dan Mujassimah.

Apabila diteliti sorotan sejarah yang telah dibentangkan, dapat disimpulkan bahawa masalah utama yang berpotensi timbul akibat kelemahan dalam memahami ayat-ayat *mutasyābihāt* ialah ketegangan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Situasi ini amat membimbangkan kerana ia boleh melemahkan kesatuan ummah serta menjejaskan kredibiliti Islam di mata dunia. Sehubungan itu, bagi mengelakkan sejarah hitam ini daripada berulang, tindakan pencegahan perlu dirancang dan dilaksanakan seawal mungkin. Antara langkah yang boleh diambil ialah dengan menyelidiki tahap kefahaman masyarakat terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt*. Dengan adanya data statistik yang jelas berhubung tahap kefahaman ini, pihak berautoriti dapat merancang dan melaksanakan strategi pencegahan serta pemeraksanaan ilmu dengan lebih berkesan.

Justeru, kajian ini dilaksanakan dengan serius bagi mengesan ‘virus kejahilan’ terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt*. Sekiranya rangkaian kejahilan ini gagal dikenal pasti atau dipandang remeh, maka natijahnya ialah masyarakat akan terus terdedah kepada konflik dan perpecahan. Berdasarkan keperluan ini, penulis mengangkat isu tersebut sebagai fokus utama dalam projek penyelidikan ilmiah yang bertajuk Tahap Kefahaman Belia FELDA Wilayah Jengka Terhadap Ayat-ayat *Mutasyābihāt*.

Sorotan Karya

Kajian-kajian berkaitan ayat-ayat *mutasyābihāt* telah dijalankan oleh beberapa pengkaji terdahulu, khususnya dalam aspek kefahaman sebenar terhadap ayat-ayat tersebut serta tahap pemahaman masyarakat mengenainya. Fokus utama kajian-kajian ini adalah kepada kaedah takwil dan pemahaman ayat-ayat *mutasyābihāt* oleh pelbagai lapisan masyarakat serta kesan terhadap perpaduan dan akidah umat Islam.

Antara kajian penting yang ditemui ialah disertasi oleh Engku Ibrahim (2003) bertajuk *Pemahaman Masyarakat Islam Terhadap Sifat-sifat Mutasyābihāt: Suatu Kajian di Daerah Kuala Terengganu*. Kajian ini meneliti tahap kefahaman masyarakat Islam secara umum terhadap sifat-sifat *mutasyābihāt*. Sementara itu, Faiz Hakimi (2016) dalam kajiannya bertajuk *Metode Wasatiyyah Sharh Al-Nawawi dan Al-Mubarakfuri Terhadap Hadith Mutasyābihāt Dalam Ṣaḥīḥ Muslim* menyasarkan golongan agamawan sebagai subjek kajian dan membandingkan pendekatan dua tokoh besar dalam syarahan hadis.

Kedua-dua kajian ini menggunakan sampel dari Kuala Terengganu, namun berbeza dari segi fokus dan sasaran responden. Kajian penulis pula menyasarkan golongan belia FELDA Wilayah Jengka tanpa mengkhususkan sama ada mereka agamawan atau tidak, dengan 100 orang belia sebagai responden.

Faiz Hakimi (2016) memformulakan pendekatan *wasatiyyah* selepas menganalisis metode syarahan hadis oleh Imam al-Nawawi dan Syeikh Safiurrahman al-Mubarakfuri. Sebaliknya, Engku Ibrahim (2003) menggunakan pendekatan kuantitatif tanpa elemen perbandingan metodologi. Kajian penulis lebih mirip kepada pendekatan Engku Ibrahim, namun dengan fokus yang lebih spesifik.

Engku Ibrahim (2003: 3) mendapati bahawa terdapat kecenderungan puritanisme dalam kalangan agamawan yang hanya menerima pandangan sendiri. Penemuan ini disokong oleh Faiz Hakimi (2016: 331) yang menunjukkan hanya 52.5% agamawan memahami konsep *mutasyābihāt khabariyyah dhātiyyah*, manakala 65% menerima

kaedah *tafwīd* dan *takwil*. Ini menunjukkan isu kefahaman bukan sahaja berlaku dalam kalangan awam, tetapi juga agamawan.

Kajian oleh Mohd Murshidi dan Faizuri pula menggunakan pendekatan Imam Bukhari dalam memahami ayat-ayat *mutasyābihāt* melalui *Ṣaḥīḥ Bukhari*. Mereka mendapati Imam Bukhari menggunakan dua kaedah: *tafwīd* dan *takwil*. Contohnya, ayat:

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ

Terjemahan: Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan 'wajah' Allah
(Surah al-Qasas 28:88).

Ayat 'wajah' seperti dalam nas di atas ditakwil sebagai '*mulkah*' atau 'kebesaran' Allah dalam *Ṣaḥīḥ Bukhari*, Kitab Tafsir.

Selanjutnya, Munzir al-Musawa (2007) telah menulis dalam *Kenalilah Akidahmu* berhubung isu *mutasyābihāt* secara umum dan ringkas, berbeza dengan kajian akademik yang lebih mendalam. Walaupun bersifat *ijmali* (ringkas), penjelasan ini tetap penting sebagai rujukan asas.

Asmadi (2010) dalam kertas seminar *Konsep Ahlusunnah wal Jamaah: Satu Penilaian* menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis teks klasik. Beliau menekankan ancaman daripada sarjanawan *syaz* yang menyebabkan kekeliruan dalam memahami ayat-ayat *mutasyābihāt*.

Kajian oleh Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2012) bertajuk *Takwilan Nas-nas Mutashabihat Dalam Kalangan Salaf* membuktikan bahawa tokoh salaf seperti Ibn Abbas RA dan para tabi'in menggunakan kaedah *takwil*. Kajian ini penting dalam membina landasan teori empirikal terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt*.

Kajian ini ditambahbaik oleh Rashidi Wahab, Shahrizal Nasir, dan Syed Hadzrullathfi (2014) dalam *Implikasi Penafian Majaz al-Quran Terhadap Nas-nas Sifat Mutashabihat*. Mereka mendapati penolakan kaedah *takwil* berisiko membawa kepada *tajsīm* dan *tasybīh*, serta membuka ruang kepada orientalis untuk memecahbelahkan umat Islam.

Abdul Somad (2014) dalam *37 Masalah Populer* menyenaraikan ayat-ayat *mutasyābihāt* dan menunjukkan bahawa kaedah *tafwīd* dan *takwil* telah digunakan secara konsisten sejak zaman salafussoleh. Beliau menekankan bahawa perpecahan umat boleh dielakkan dengan kefahaman yang tepat.

Pandangan ini turut disokong oleh Sobri Elias, Fauzi Hamat, dan Hasrul Shuhari (2014) dalam *Wacana Tauhid dalam Surah al-Ikhlās: Analisis Menurut Perspektif Sunni*, yang memperkukuh bahawa kelemahan kefahaman terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt* boleh membawa kepada perpecahan ummah.

Akhir sekali, Abdul Manam (2019) dalam kertas seminar *Manhaj dan Pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam Persoalan Ma'rifat Allah* menegaskan bahawa pegangan Ahli Sunnah ialah menolak *ta'tīl* dan *tasybīh*, dengan menyenaraikan golongan seperti Muktaẓilah dan Musyabbihah sebagai pelaku penyelewengan.

Secara keseluruhan, karya-karya yang sedia ada berkait penyelidikan terhadap ayat-ayat *mutasyābihat* adalah seperti di jadual yang berikut:

Jadual 1: Rumusan Sorotan Karya Berhubung Ayat-ayat *Mutasyābihat* di Malaysia

Pengarang	Literatur	Fokus	Metode	Penemuan utama
Engku Ibrahim (2003)	Pemahaman Masyarakat Islam Terhadap Sifat-sifat Mutasyābihāt	Tahap kefahaman masyarakat Islam secara umum terhadap sifat-sifat mutasyābihāt	Kuantitatif	Terdapat kecenderungan puritanisme dalam kalangan agamawan; hanya berpegang kepada pandangan sendiri
Munzir al-Musawa (2007)	Kenalilah Akidahmu	Penjelasan umum terhadap ayat-ayat mutasyābihāt	Deskriptif	Penjelasan ringkas dan padat sebagai rujukan asas
Asmadi (2010)	Konsep Ahlusunnah wal Jamaah: Satu Penilaian	Kaedah memahami ayat-ayat mutasyābihāt menurut ulama muktabar	Kualitatif	Ancaman daripada sarjanawan syaz menyebabkan kekeliruan masyarakat
Mohd Murshidi & Faizuri (2012)	Pendekatan Imam Bukhari dalam <i>Ṣaḥīḥ</i> Bukhari	Kaedah Imam Bukhari dalam memahami ayat-ayat mutasyābihāt	Kualitatif	Imam Bukhari menggunakan kaedah tafwīd dan takwil
Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi (2012)	Takwilan Nas-nas Mutashabihat Dalam Kalangan Salaf	Penggunaan kaedah takwil oleh tokoh salafussoleh	Kualitatif	Tokoh salaf seperti Ibn Abbas dan tabi'in menggunakan kaedah takwil
Rashidi Wahab, Shahrizal Nasir & Syed Hadzrullathfi (2014)	Implikasi Penafian Majaz al-Quran Terhadap Nas-nas Sifat Mutashabihat	Risiko penolakan kaedah takwil terhadap kefahaman umat Islam	Kualitatif	Penolakan takwil membuka ruang kepada tajsīm dan tasybīh
Abdul Somad (2014)	37 Masalah Populer	Senarai ayat mutasyābihāt dan pemahaman ulama	Deskriptif	Kaedah tafwīd dan takwil digunakan secara konsisten sejak zaman salaf
Sobri Elias, Fauzi Hamat & Hasrul Shuhari (2014)	Wacana Tauhid dalam Surah al-Ikhlās: Analisis Menurut Perspektif Sunni	Kesan kelemahan kefahaman terhadap perpaduan ummah	Analisis teks	Kelemahan kefahaman boleh membawa kepada perpecahan ummah
Faiz Hakimi (2016)	Metode Wasatiyyah Sharh Al-Nawawi dan Al-Mubarakfuri Terhadap Hadith Mutasyābihāt Dalam <i>Ṣaḥīḥ</i> Muslim	Perbandingan kefahaman agamawan berdasarkan metode syarahan hadis	Kualitatif dan kuantitatif	52.5% agamawan memahami konsep mutasyābihāt; 65% menerima kaedah tafwīd dan takwil
Abdul Manam (2019)	Manhaj dan Pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam Persoalan Ma'rifat Allah	Kaedah berinteraksi dengan ayat-ayat mutasyābihāt	Kualitatif	Pegangan Ahli Sunnah ialah menolak ta'tīl dan tasybīh

Sumber: Susunan Penulis Mengikut Kronologi Terbitan Literatur.

Sorotan literatur ini digunakan oleh penulis untuk mensintesis data dan membina set soal selidik yang berkesan dalam mengukur tahap kefahaman belia FELDA terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt*. Kajian ini sebagai kajian rintis memilih belia dari tiga rancangan FELDA Wilayah Jengka (Jengka 1, Jengka 10, dan Jengka 11) sebagai sampel kajian.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

1. Mengenalpasti tafsiran para ulama berhubung ayat-ayat *mutasyābihāt*.
2. Mengenalpasti tahap kefahaman belia FELDA Wilayah Jengka terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt* berlandaskan tafsiran para ulama.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merangkumi pendekatan, pensampelan, lokasi kajian, instrumen yang digunakan, serta kaedah data dianalisis.

Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis berlandaskan teori (*Grounded Theory*) terhadap data yang diperoleh daripada rujukan primer dan sekunder. Rujukan primer yang digunakan ialah al-Quran itu sendiri, yang dianalisis dengan bantuan sumber sekunder seperti kitab-kitab tafsir muktabar, buku, disertasi, jurnal, dan kertas seminar yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pendekatan ini bertujuan memastikan ketepatan dan ketelitian dalam memahami ayat-ayat *mutasyābihāt* secara menyeluruh.

Melalui analisis ini, penulis telah menyenarai dan mengenal pasti sepuluh ayat *mutasyābihāt* berserta kefahaman terhadapnya, berdasarkan kerangka teori yang dibina daripada pendekatan *Grounded Theory*. Senarai ini kemudiannya dijadikan asas dalam pembentukan set soalan untuk borang soal selidik yang akan digunakan dalam kajian lapangan ke atas subjek kajian. Pendekatan ini membolehkan penulis menghubungkan dapatan teori dengan realiti kefahaman masyarakat, khususnya dalam kalangan belia FELDA Wilayah Jengka.

Sampel Kajian

Sampel kajian untuk penyelidikan ini terdiri daripada belia-belia generasi FELDA (anak, cucu atau cicit peneroka FELDA) yang berusia lingkungan umur 15-40 tahun. Pemilihan sampel ialah secara rawak dengan seramai 100 orang responden daripada tiga buah rancangan FELDA Wilayah Jengka yang terpilih.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini dijalankan di Felda Jengka 1, Felda Jengka 10, dan Felda Jengka 11, yang terletak dalam Wilayah Jengka, Pahang. Pemilihan ketiga-tiga lokasi ini dibuat secara strategik berdasarkan faktor geografi dan logistik. Walaupun ketiga-tiga rancangan FELDA ini tidak terletak berdekatan secara langsung, jarak antara mereka masih berada dalam lingkungan yang munasabah untuk tujuan pengumpulan data lapangan. Keadaan ini membolehkan penyelidik mendapatkan sampel yang lebih pelbagai dari segi latar belakang sosial dan pengalaman, tanpa menjejaskan kebolehlaksanaan kajian dari segi masa dan kos. Tambahan pula, pemilihan lokasi yang tidak terlalu rapat antara satu sama lain dapat mengurangkan risiko bias lokasi dan meningkatkan kebolehwakilan data terhadap populasi belia FELDA di Wilayah Jengka secara keseluruhan.

Instrumen Kajian

Instrumen utama bagi memperoleh data daripada sampel kajian ialah borang soal selidik. Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibina berdasarkan instrumen yang pernah digunakan oleh Engku Ibrahim (2003) dan Faiz Hakimi (2016). Walau bagaimanapun, penulis telah melakukan pengubahsuaian terhadap set soalan tersebut agar bersesuaian dengan objektif kajian ini, khususnya dalam konteks belia FELDA Wilayah Jengka. Pengubahsuaian ini penting bagi memastikan kesesuaian konteks, latar belakang responden, dan fokus kajian terhadap tahap kefahaman ayat-ayat *mutasyābihāt*.

Setiap jawapan bagi soalan dalam borang soal selidik dirangka berdasarkan kerangka teori yang dibina melalui pendekatan *Grounded Theory*, hasil daripada analisis terhadap rujukan primer dan sekunder seperti al-Quran, kitab-kitab tafsir muktabar, buku, jurnal, disertasi, dan kertas seminar. Penulis telah mengenal pasti sepuluh ayat *mutasyābihāt* beserta kefahaman terhadapnya, yang kemudiannya dijadikan asas dalam pembentukan perkara utama dalam soal selidik.

Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini dilakukan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26. Data yang diperoleh daripada borang soal selidik diproses melalui kaedah analisis statistik deskriptif bagi mendapatkan nilai min dan peratusan.

Kaedah ini digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang telah digagaskan, dan secara tidak langsung berfungsi sebagai pendekatan kuantitatif yang menyokong analisis kualitatif dalam menilai tahap kefahaman responden terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt*. Melalui analisis ini, penulis dapat mengenal pasti pola pemahaman, kecenderungan responden terhadap pendekatan *tafwīd* dan takwil, serta potensi wujudnya kekeliruan yang boleh membawa kepada fahaman *tasybīh* dan *tajsim*.

Dapatan Kajian

Kajian ini berhasil memperoleh dua jenis dapatan, iaitu dapatan kualitatif dan dapatan kuantitatif.

Dapatan Kualitatif

Analisis dokumen telah dilakukan terhadap empat belas (14) kitab-kitab para ulama dalam bidang tafsir ataupun kitab yang membincangkan pemahaman ayat *mutasyābihāt*. Kitab-kitab berkenaan adalah seperti berikut:

1. *I'tiqad al-Imam al-Munabbal Abi Abd Allah Ahmad ibn Hanbal* (at-Tamimi, 2001)
2. *Tafsīr al-Tabari* (Jarir at-Tobari, w. 310H)
3. *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' an-Nihal* (Ibn Hazm, w. 456H)
4. *Tafsīr al-Munir* (Wahbah al-Zuhayli, w. 2015M)
5. *Tafsīr Ibn Abbas* (Ibn Abbas, w.68H)
6. *Kitab al-Irshad* (Imam al-Haramaian al-Juwayni, w. 478H)
7. *Tafsīr al-Qurtubi* (Abu Abdullah al-Qurtubi, w. 671H)
8. *Tafsīr Al-Baghawi* (Abū Muḥammad al-Ḥusayn ibn Mas'ūd ibn Muḥammad al-Farrā' al-Baghawī, w. 516H)
9. *al-Bidayah wa an-Nihayah* (Abu al-Fida' Ibn Kathir, w. 774H)
10. *Aqidah Tahawīyyah* (Abu Ja'far at-Thohawi, w. 321H)
11. *Tafsīr Ibn Kathir* (Abu al-Fida' Ibn Kathir, w. 774H)
12. *Tafsīr Jalalain* (Jalaluddin al-Mahali, w. 864H, dan Jalaluddin as-Suyuti, w. 911H)

13. *Aqidah Ahl Iman* (Abdul Qadir al-Fasi, w. 1091H)
14. *Tafsir Pimpinan al-Rahman* (Abdullah Basmeih, w. 1996M)

Sepuluh ayat-ayat al-Qurān yang mengandung makna yang *mutasyābihat* bersama penjelasan para ulama daripada kitab-kitab di atas adalah sebagaimana berikut:

1. Ayat Istiwā

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Terjemahan: Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia *istiwā* ke arah langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Al-Baqarah : 29)

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Ibn Mubarak (w. 237) (Rashidi Wahab, Shahrizal Nasir & Syed Hadzrullathfi, 2014: 144).	Kekuatan dan kekuasaan.
Ahmad Ibn Hanbal (w. 241H) (Dipetik daripada kitab <i>I'tiqad al-Imam al-Munabbal Abi Abd Allah Ahmad ibn Hanbal</i> oleh at-Tamimi (2001: 38) serta Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2014: 54)).	Tidak harus seseorang itu berkata bahawa istiwā (Allah Ta'āla) dengan menyentuhnya (arasy). Maha Suci Allah daripadanya (bertempat di arasy) setinggi-tingginya.
Jarir at-Tobari (w. 310H) (Jilid pertama, Tafsir Jarir at-Tabari (1994: 159) dan Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2014: 46)).	Memiliki dan menguasai
Ibn Hazm (w. 456 H) (Jilid kedua, <i>al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' an-Nihal</i> , Ibn Hazm (1996: 290) dan Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2014: 46))	Perbuatan menyempurnakan ciptaan
Wahbah az-Zuhaili (w. 2015M) (Dipetik oleh A. Faruqi (2016: 40) daripada kitab Tafsir al-Munir oleh Wahbah al-Zuhaili jilid 1, halaman 131).	Mengemukakan tiga pendapat: 1. membacanya dan mengimaninya tanpa menafsirkannya; 2. istiwā dengan maksud berada tinggi di atas sesuatu, dan pendapat ini, menurut Wahbah az-Zuhaili, adalah batil dan merupakan pendapat yang dipegang oleh musyabihah; dan 3. membacanya, menakwilkannya dan mengalihkan maknanya.

2. Ayat Yad

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ تَكَثَّ فَإِنَّمَا يَنْتَكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَمِنْ أَجْرٍ أَعْظَمًا

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; *Yadullah* di atas tangan-tangan mereka itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan

apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.

(Al-Fath : 10)

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Abdullah ibn Abbas (w. 68H) (Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2012: 82))	Kekuatan dan kekuasaan Allah
Jarir at-Tobari (w. 310H) (Jilid ke-7, Tafsir At-Tobari (1994: 56))	Kekuatan Allah ke atas kekuatan mereka yang berbaiat kepada Nabi SAW dengan pertolongan menghadapi musuh.
Al-Juwayni (w. 478H) (Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2012: 82) dan mereka memetik daripada Kitab <i>al-Irshad</i> karangan Imam al-Haramaian al-Juwayni)	Kekuatan dan kekuasaan Allah
Abu Abdullah al-Qurtubi (w. 671H) (Jilid ke-19, Tafsir al-Qurtubi (2006: 306))	Hidayah, nikmat, kekuatan dan pertolongan Allah SWT ke atas ketaatan mereka yang berbaiat kepada Nabi SAW pada peristiwa Hudaibiyah.

3. Ayat A'yun

وَأَصْنَعُ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحَيْنَا وَلَا تُخْطِئُنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُّعْرِضُونَ

Terjemahan: Dan buatlah bahtera dengan *a'yun* Kami, dan dengan panduan wahyu Kami (tentang cara membuatnya); dan janganlah engkau merayu kepadaKu untuk menolong kaum yang zalim itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan (dengan taufan)".

(Hud : 37)

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Abdullah ibn Abbas (w. 68H) (Jilid ke-4, Tafsir Al-Baghawi (1990: 173) dan juga di dalam Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2012: 82))	Penglihatan dan Pandangan Allah.
Muqatil ibn Sulaiman (w. 150H) (Jilid ke-4, Tafsir Al-Baghawi (1990:173))	Ilmu Allah.
Ibn Jarir al-Tabari (w. 310H) (Jilid ke-4, Tafsir At-Tobari (1994: 276))	Wahyu Allah.
Abu Abdullah al-Qurtubi (w. 671H) (Jilid ke-11, Tafsir Al-Qurtubi (2006: 109))	Perkataan <i>a'yun</i> dengan makna penjagaan berupa perlindungan dan bantuan daripada para malaikat-Nya. Dan juga al-Qurtubi menyatakan bahawa: <i>Maha suci kemuliaan-Nya daripada pancaindera (al-hawas) dan penyerupaan (at-tasybih) dan sebarang bentuk keadaan (at-takyif).</i>
Wahbah az-Zuhaili (w. 2015M) (Jilid ke-6, Tafsir al-Munir, Wahbah az-Zuhaili (2009: 378-380))	Pengawasan dan perlindungan.

4. Ayat Wajah

وَيَقِيَّ وَجْهَ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Terjemahan: Dan akan kekallah *wajah* Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.

(Ar-Rahman : 27)

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Abdullah ibn Abbas (w. 68H) (Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2012: 82))	Wujud dan zat Allah SWT.
Al-Juwayni (w. 478H) (Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2012: 82) dan al-Juwayni (1950))	Wujud dan zat Allah SWT.
Abu Abdullah al-Qurtubi (w.671H) (Jilid ke-20, Tafsir al-Qurtubi (2006: 132))	Wujud dan zat Allah SWT.
Wahbah az-Zuhaili (w. 2015M) (Jilid ke-14, Tafsir al-Munir jilid ke-14, Wahbah az-Zuhaili (2009: 224))	Zat Allah SWT.

5. Ayat *Sāq*

يَوْمَ يُكْشَفُ عَنْ سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ

Terjemahan: (Ingatkanlah orang-orang yang tidak beriman) akan masa didedahkan *sāq*, dan mereka diseru supaya sujud maka mereka tidak dapat melakukannya,
(Al-Qalam : 42)

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Abdullah ibn Abbas (w. 68H) (At-Tobari (2001: 178)).	Kesusahan yang amat berat.
Wahbah az-Zuhaili (w. 2015M) (Jilid ke-15, Tafsir Munir Jilid ke-15, Wahbah az-Zuhaili (2009: 70-72))	Daripada sudut <i>balaghah</i> , lafaz <i>sāq</i> pada ayat ini bererti keadaan besarnya tragedi pada hari kiamat. Manakala daripada sudut <i>mufradad</i> , Wahbah az-Zuhaili menafsirkannya sebagai kegentingan masalah di hari kiamat kelak.

6. Ayat *Jā'a*

وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا

Terjemahan: Dan datanglah Tuhanmu dan para malaikat berbaris-baris.
(Al-Fajr : 22)

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Hasan al-Basri (w. 110H) (Jilid ke-8, Tafsir al-Baghawi (1990: 422))	Datang perintah dan kepastian.
Ahmad ibn Hanbal (w. 241H) (Jilid ke-10, <i>al-Bidayah wa an-Nihayah</i> , Ibn Kathir (1999: 361) dan Abdul Somad (2014: 79))	Datang balasan pahala-Nya.

7. Ayat *Janb*

أَنْ تَقُولَ نَفْسٌ يَحْسَرْتُنِي عَلَى مَا فَرَطْتُ فِي جَنْبِ اللَّهِ وَإِنْ كُنْتُ لَمِنَ السَّخِرِينَ

Terjemahan: (Diperintahkan demikian) supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: Sungguh besar kesesalan dan kekecewaanku kerana aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap *janbillah* serta aku telah menjadi dari orang yang sungguh memperolok-olokkan (agama Allah dan penganut-penganutnya)!

(Az-Zumar : 56):

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Mujahid bin Jabr (w. 104H) (At-Tobari (2001: 234) dan juga Rashid Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2012: 83))	Perintah Allah
Ad-Dhahak al-Hilali (w. 106H) (Jilid ke-18, Tafsir al-Qurtubi (2006: 298))	Al-Quran dan beramal dengannya.
Hasan al-Basri (w. 110H) (Jilid ke-18, Tafsir al-Qurtubi (2006: 298))	Ketaatan pada Allah.
As-Suddi (w. 245H) (At-Tobari (2001: 235) dan juga Rashid Wahab dan Syed Hadzrullathfi (2012: 83))	Perintah Allah
Wahbah az-Zuhaili (w. 2015M) (Jilid ke-12, Tafsir al-Munir, Wahbah az-Zuhaili (2009: 353))	Hak Allah, beriman pada-Nya, ketaatan pada-Nya dan beramal dengan al-Quran.

8. Ayat Ru'yah

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ (22) إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ (23)

Terjemahan: Pada hari akhirat itu, muka (orang yang beriman) berseri-seri. Melihat kepada Tuhannya.

(Al-Qiyamah : 22-23)

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Abu Ja'far at-Thohawi (w. 321H) (At-Thohawi (2018: 26))	Berkata Abu Ja'far at-Thohawi di dalam kitab Akidah Thohawiyah: <i>Melihat Allah untuk ahli syurga adalah benar, tanpa penglihatan mereka, serba mencakupi (keseluruhan sifat-Nya dan zat-Nya) dan tanpa cara (kaifiyat) penglihatan. Seperti firman Allah pada al-Qiyamah: 22-23. Tafsir tentang makna ayat tersebut, adalah sebagaimana sesuai dengan kehendak Allah azza wa jalla dan apa yang Dia yang ketahui.</i>
Abu al-Fida Ibnu Kathir (w. 774H) (Jilid ke-8, Tafsir Ibn Kathir (1998: 287))	Melihat Allah secara nyata (tanpa ditentukan caranya).
Jalaluddin al-Mahali (w. 864H) dan Jalaluddin as-Suyuti (w. 911H) (Al-Mahali dan as-Suyuti (2001: 779))	Melihat Zat Allah secara nyata (tanpa ditentukan caranya).
Abdul Qadir al-Fasi (w. 1091H) (Al-Fasi (2019: 29))	Berkata Abdul Qadir al-Fasi dalam kitab Akidah Ahli Iman: <i>Juga membenarkan orang mukmin, melihat Tuhan mereka dengan tanpa cara (tanpa tahu bagaimana melihatnya).</i>
Wahbah az-Zuhaili (w. 2015M) (Jilid ke-15, Tafsir al-Munir, Wahbah az-Zuhaili (2009: 285))	Melihat Allah secara nyata (tanpa ditentukan caranya).

9. Ayat Berkaitan Allah Memegang

إِنَّ اللَّهَ يُمْسِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ أَنْ تَزُولَا وَلَئِنْ زَالَتَا إِنْ أُمْسِكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِّنْ بَعْدِهِ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا

Terjemahan: Sesungguhnya Allah *memegang* langit dan bumi supaya tidak berganjak dari peraturan dan keadaan yang ditetapkan baginya; dan jika keduanya (ditakdirkan) berganjak maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menahannya daripada berlaku demikian selain dari Allah. Sesungguhnya Ia Maha Penyebar, lagi Maha Pengampun.

(Fatir : 41)

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Abu al-Fida' Ibnu Kathir (w. 774H) (Jilid ke-6 tafsir Ibn Kathir (1998: 494))	Menahan agar tidak bergeser dari tempatnya masing-masing.
Jalaluddin al-Mahali (w. 864H) dan Jalaluddin as-Suyuti (w. 911H) (Al-Mahali dan as-Suyuti (2001: 577))	Menahan daripada lenyap
Abdullah Basmeih (w. 1996M) (Abdullah Basmeih (1980: 439))	Menahan dan memelihara langit dan bumi supaya tidak berganjak daripada peraturan dan keadaan yang ditetapkan.

10. Ayat Berkaitan Turun Naik Kepada Allah

مِنْ اللَّهِ ذِي الْمَعَارِجِ (3) تَعْرُجُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ
أَلْفَ سَنَةٍ (4)

Terjemahan: Daripada Allah yang menguasai tempat-tempat turun naik. Yang dilalui oleh malaikat-malaikat dan Jibril kepada-Nya (untuk menerima dan menyempurnakan tugas masing-masing, terutama) pada satu masa yang adalah tempohnya (dirasai oleh orang yang bersalah) sungguh panjang, (kerana banyak perhitungan hisab dan berat soal jawabnya).

(Al-Ma'arij : 3-4)

ULAMA	TAFSIRAN ULAMA
Abdullah ibn Abbas (w. 68H) (Jilid ke-8, Tafsir Ibn Kathir (1998: 235))	Ketinggian darjat dan keutamaan-keutamaan.
Mujahid bin Jabr (w. 104H) (Jilid ke-8, Tafsir Ibn Kathir (1998: 235))	Tempat naik ke langit.
Qatadah bin Di'amah (w. 117H) (Jilid ke-8, Tafsir Ibn Kathir (1998: 235))	Keutamaan-keutamaan dan nikmat-nikmat.
Jalaluddin al-Mahali (w. 864H) dan Jalaluddin as-Suyuti (w. 911H) (Al-Mahali dan as-Suyuti (2001: 765))	Tempat naik bagi malaikat untuk menerima perintah-Nya yang diturunkan.
Abdullah Basmeih (w. 1996M) (Abdullah Basmeih (1980: 568))	Tempat turun naik yang dilalui oleh para malaikat dan juga Jibril AS untuk menerima dan menyempurnakan tugas masing-masing.

Berdasarkan dapatan daripada karya-karya ulama yang telah dikaji, didapati bahawa kaedah *tafwid* dan *takwil* merupakan pendekatan yang diterima dan diamalkan oleh para ulama dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutasyābihāt*. Kefahaman yang diperoleh daripada tafsiran para ulama ini telah dijadikan sebagai asas dalam pembentukan item soal selidik yang diedarkan kepada para responden. Perbandingan antara jawapan responden dengan tafsiran para ulama telah dilakukan bagi menilai tahap keselarasan pemahaman belia FELDA terhadap pendekatan yang sahih. Hasil perbandingan ini akan diperincikan dalam subtopik berikutnya.

Dapatan Kuantitatif

Borang soal selidik yang diedarkan merangkumi maklumat demografi responden seperti umur, jantina, alamat, tahap pendidikan, pekerjaan, serta pengalaman pembelajaran agama secara tidak formal. Penyertaan responden adalah seperti di jadual yang berikut:

Jadual 2: Dapatan Penyertaan Responden Berdasarkan Demografi

Demografi	Pecahan	Bilangan responden	Peratusan (%)
Umur	15-17 tahun	8	8
	18-23 tahun	26	26
	24-30 tahun	26	26
	31-40 tahun	40	40
Jantina	Lelaki	58	58
	Perempuan	42	42
Tempat tinggal	Dalam rancangan	84	84
	Luar rancangan	16	16
Tahap pendidikan akademik	UPSR	6	6
	PMR/PT3	10	10
	SPM	36	36
	Sijil	8	8
	Asasi	0	0
	STPM/STAM	6	6
	Diploma	22	22
	Sarjana Muda	12	12
	Sarjana	0	0
	PhD	0	0
Tahap pendidikan agama	UPSR	9	9
	PMR/PT3	8	8
	SPM	57	57
	Sijil	6	6
	Asasi	1	1
	STPM/STAM	7	7
	Diploma	7	7
	Sarjana Muda	4	4
	Sarjana	0	0
	PhD	0	0
	Pondok	0	0
	Tahfiz	0	0
	Madrasah alim	1	1
	Tidak bekerja	35	35
Sektor pekerjaan	Sektor swasta	58	58
	Sektor awam	7	7
Kekerapan menghadiri kuliah	5 kali dan lebih dalam seminggu	6	6

Demografi	Pecahan	Bilangan responden	Peratusan (%)
	Antara 3-4 kali seminggu	13	13
	Dua kali dan ke bawah seminggu	81	81
Kecaknaan terhadap kuliah akidah atau tauhid di masjid kariah	Ada	79	79
	Tiada	4	4
	Tidak tahu	17	17
Kekerapan melayari internet pada permasalahan agama	Setiap kali apabila adamasalah agama	49	49
	Kadang-kadang	44	44
	Tidak kerap	7	7
Aplikasi carian yang sering digunakan untuk bacaan agama	Blogspot	19	8.41
	Media sosial	51	22.57
	Youtube	66	29.2
	Laman sesawang	37	16.37
	Laman NGO atau persendirian	21	9.29
	Portal rasmi agensi	25	11.06
	Perpustakaan atau jurnal atas talian	7	3.1
Responden yang mempunyai ahli keluarga berpendidikan agama	Ada	67	67
	Tiada	33	33

Sumber: Analisis Demografi Responden Berdasarkan Borang Soal Selidik.

Sebanyak sepuluh (10) ayat al-Quran telah dipilih sebagai bahan ujian terhadap 100 orang responden dalam kalangan belia. Pemilihan ayat-ayat ini dibuat berdasarkan kelazimannya dalam perbahasan *mutasyābihāt*. Analisis secara terperinci adalah seperti di jadual yang berikut.

Jadual 3: Dapatan Tahap Kefahaman Belia Terhadap Soalan-soalan Berkait Ayat-ayat *Mutasyābihāt*

Bil	Soalan	Jawaban responden				Jawaban sebenar	Peratusan betul (%)
		A	B	C	D		
1	Ayat berkaitan <i>istiwā</i>	16	76	3	5	B	76
2	Ayat berkaitan <i>yad</i>	7	77	11	5	B	77
3	Ayat berkaitan <i>a'yun</i>	67	18	10	5	A	67
4	Ayat berkaitan <i>wajah</i>	63	13	16	8	A	63
5	Ayat berkaitan <i>sāq</i>	5	71	17	7	B	71

Bil	Soalan	Jawaban responden				Jawaban sebenar	Peratusan betul (%)
		A	B	C	D		
6	Ayat berkaitan <i>jā'a</i>	16	63	11	10	B	63
7	Ayat berkaitan <i>janb</i>	9	61	24	6	B	61
8	Ayat berkaitan <i>ru'yah</i>	41	30	22	7	A	41
9	Ayat berkaitan <i>Allah memegang</i>	66	11	16	7	A	66
10	Ayat berkaitan <i>turun naik kepada Allah</i>	16	64	15	5	B	64
Nilai min							64.9

Sumber: Analisis Nilai Min Kefahaman Responden Terhadap Soalan-soalan Ayat *Mutasyābihāt* Berdasarkan Borang Soal Selidik

Jadual 3 di atas memaparkan peratusan kefahaman belia FELDA Wilayah Jenka terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt* berdasarkan soalan 1-10. Analisis menunjukkan bahawa nilai min responden yang mendapat jawapan yang tepat ialah 64.9 manakala nilai min responden menjawab tidak tepat ialah 35.1.

Soalan-soalan dalam borang soal selidik telah dirangka dengan pilihan jawapan i, ii, iii dan iv, kecuali bagi Soalan 8 yang hanya menyediakan tiga pilihan iaitu i, ii dan iii. Responden dikehendaki memilih antara pilihan jawapan A, B, C atau D, berdasarkan kombinasi pilihan i hingga iv. Majoriti soalan mengandungi dua jawapan yang betul dalam pilihan tersebut, bertujuan untuk menguji kecenderungan serta tahap pemahaman responden terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt*.

Penulis telah menetapkan pilihan jawapan berdasarkan empat elemen utama berikut: (1) Pemahaman yang betul dan tepat, (2) Pemahaman berbentuk *tasybīh*, (3) Tidak tahu/Tidak faham, dan (4) Salah faham atau keliru.

Elemen "salah faham atau keliru" dikenal pasti apabila responden memilih jawapan "semua di atas" (jawapan D), yang sengaja dimasukkan oleh penulis dalam semua soalan untuk mengenal pasti kecenderungan ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa purata 6.5% responden berada dalam kategori ini.

Elemen "tidak tahu/tidak faham" pula dikenal pasti apabila responden memilih jawapan "tidak tahu dan tidak faham" (jawapan C), yang juga dimasukkan secara konsisten dalam semua soalan. Purata responden yang berada dalam kategori ini adalah 14.5%.

Bagi elemen pemahaman Ahli Sunnah wal Jamaah (antara jawapan A atau B), penulis menggunakan tafsiran beberapa ulama tafsir terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt* yang digunakan dalam soal selidik. Di samping itu, elemen pemahaman *tasybīh* turut dimasukkan dalam pilihan jawapan A atau B bagi menilai tahap kecenderungan belia FELDA Wilayah Jenka terhadap bentuk pemahaman tersebut.

Pemahaman *tasybīh* terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt* sering kali bertentangan dengan pendekatan aliran perdana yang diterima oleh Ahli Sunnah wal Jamaah. Menurut Rashidi Wahab, Shahrizal Nasir, dan Syed Hadzrullathfi (2014:141), terdapat tiga aliran utama dalam memahami ayat-ayat *mutasyābihāt*:

1. Aliran pemikiran *tasybīh*;
2. Aliran perdana Ahli Sunnah wal Jamaah (kaedah *tafwīd* dan takwil); dan
3. Aliran pemikiran *muattilah* (yang menolak sifat-sifat Allah).

Rashidi Wahab et al. (2014:141), disokong oleh Wahbah az-Zuhaili (2009:131), menjelaskan bahawa aliran *tasybīh* memahami ayat-ayat *mutasyābihāt* secara literal, sehingga menyamakan Allah SWT dengan sifat makhluk seperti tangan dan kaki. Arsyad al-Banjari (2015:58) turut menyatakan bahawa aliran ini beriktikad bahawa Allah SWT adalah jisim, namun tidak menyerupai jisim makhluk, contohnya dengan menyatakan bahawa Allah mempunyai tangan tetapi tidak seperti tangan makhluk.

Menurut Sobri Elias, Fauzi Hamat, dan Hasrul Shuhari (2014: hlm. 16 & 21), aliran pemahaman *tasybīh* menetapkan tempat dan arah bagi Allah SWT, serta mendakwa bahawa Allah duduk di atas Arasy, al-Kursi sebagai tempat letak kaki-Nya, dan bahawa Allah mempunyai wajah, dua mata serta betis secara hakiki. Imam al-Bukhari menafsirkan perkataan "wajhahu" (wajah-Nya) dalam ayat: كل شيء هالك إلا وجهه dengan makna kebesaran Allah SWT, bukan dengan tafsiran literal sebagai muka Allah, tidak pula ditafsirkan sebagai 'muka Allah tetapi muka Allah tidak sama seperti muka makhluk'. Untuk ayat-ayat lain pula, Imam Bukhari mengambil pendekatan untuk tidak memperpanjangkan perbincangan, sebaliknya menyerahkan makna sebenar kepada Allah SWT. Jelas di sini Imam Bukhari meraikan dua kaedah dalam penafsiran ayat-ayat *mutasyābihāt*, iaitu kaedah *tafwīd* dan takwil.

Walaupun data menunjukkan bahawa nilai min tahap kefahaman belia FELDA Wilayah Jengka berada pada tahap yang tidak terlalu membimbangkan iaitu 64.9, nilai min ini juga tidak boleh dianggap memuaskan. Oleh itu, usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kefahaman terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt*. Ini termasuklah penyelidikan lanjut berkaitan kaedah penyampaian ilmu yang lebih berkesan, penilaian tahap kefahaman umat Islam secara menyeluruh berdasarkan jadual sampel Krejcie dan Morgan (1970), serta kajian hubungan antara pemahaman *tasybīh* dan *tajsim* dengan kecenderungan terhadap aktiviti pengganas insurgensi.

Kesimpulan

Kajian ini telah mencapai kedua-dua objektifnya iaitu dalam mengenalpasti pemahaman para ulama menerusi tafsiran mereka terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt* daripada penulisan mereka. Kajian ini turut berjaya mengenalpasti tahap kefahaman belia FELDA Wilayah Jengka terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt* berlandaskan daripada kefahaman yang telah dicurahkan oleh para ulama.

Adalah didapati bahawa para ulama' memilih kaedah *tafwīd* dan *takwil* dalam memahami ayat-ayat *mutasyābihāt* dan kaedah ini telah diterjemah dalam penulisan mereka terhadap ayat-ayat berkenaan. Pemahaman para ulama' ini telah dijadikan sebagai landasan teori dan asas dalam membentuk soalan dan jawapan untuk borang soal selidik. Analisis data borang soal selidik mendapati bahawa min responden yang mendapat jawapan yang tepat ialah 64.9, manakala nilai min responden menjawab tidak tepat adalah 35.1. Daripada nilai min 35.1:

1. Nilai min responden memahami ayat-ayat *mutasyābihāt* dengan kefahaman *tasybīh* adalah 14.1 ;
2. Nilai min responden mengakui tidak tahu dan tidak faham dengan ayat *mutasyābihāt* adalah 14.5; dan
3. Nilai min respon yang didapati keliru dalam memahami ayat-ayat *mutasyābihāt* adalah 6.5.

Walaupun kajian mendapat bahawa nilai min atau purata tahap kefahaman belia FELDA Wilayah Jengka berada pada tahap yang tidak membimbangkan (min 64.9), walau bagaimanapun nilai ini akan sentiasa berubah berdasarkan pelbagai faktor seperti faktor penyampaian pendakwah, akses terhadap maklumat, latar belakang pendidikan, dan lain-lain.

Oleh itu, antara langkah-langkah strategik bagi meningkatkan tahap kefahaman terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt* sama ada di dalam kawasan FELDA Wilayah Jengka mahupun di mana-mana kawasan adalah seperti berikut:

1. Memperkenalkan tafsiran para ulama' terdahulu terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt* kepada orang awam dalam bentuk penyampaian yang mudah bersesuaian dengan tahap ilmu orang awam;
2. Memasukkan elemen adab dalam berinteraksi dengan ayat-ayat al-Quran *mutasyābihāt* dalam kurikulum kebangsaan atau negeri untuk silibus Pendidikan Islam bermula daripada peringkat Sekolah Kebangsaan sehingga Sekolah Menengah bersesuaian dengan tahap intelektual umur;
3. Mewartakan fatwa berhubung adab dan etika dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutasyābihāt* di peringkat negeri agar fatwa yang diwartakan dapat menjadi landasan kepada para hakim untuk memutuskan keputusan, dan landasan kepada penguatkuasa untuk mencegah anasir keganasan yang berpunca daripada salah tafsir agama dan ekstrimisme;
4. Mewajibkan seluruh surau dan masjid dalam negeri mempunyai sekurang-kurangnya 1 sesi kuliah agama berkait akidah Islam yang disampaikan sama ada oleh Jabatan Mufti Negeri ataupun daripada penceramah bertauliah untuk mencegah pemikiran ekstrimisme; dan
5. Memasukkan modul akidah dan pemikiran Islam dalam kekeluargaan bagi setiap pasangan yang ingin bernikah agar kefahaman akidah sebenar dapat bertunas bermula daripada keluarga.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Felda Jengka 1, Felda Jengka 10, dan Felda Jengka 11, meliputi warga kerja Pengurusan Rancangan dan juga Persatuan Belia Rancangan yang terlibat dalam membantu mengedarkan borang soal selidik.

Rujukan

- A. Faroqi. (2016). Analisis Ayat-ayat Mutasyabihat Tafsir Munir Karya Wahbah az-Zuhaili. Semarang: Fakultas Ushuluddin dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Walisongo.
- Abdul Manam. (14 November 2019). Manhaj dan Pegangan Ahl as-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Persoalan Ma'rifat Allah. *Seminar Aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah FELDA 2019*. Jengka: FELDA Wilayah Jengka.
- Abdul Somad. (2014). *37 Masalah Populer*. Pekan Baru: Tafaquh.
- Abdullah Basmeih. (1980). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Ugama.
- Al-Baghawi. (1990). *Tafsir al-Baghawi Ma'alim at-Tanzil*. Riyad: Dar Taibah.
- al-Banjari, A. (2015). *Tuhfah ar-Raghibin*. (A. G. Maraqqy, Penerjemah) Kota Bharu: Jabal Maraqqy.
- al-Fasi, A. (2019). *Aqidah Ahl al-Iman*. (Dr Ayman al-Akiti, Trans.) Selangor: Galeri Ilmu.
- Al-Mahali, & As-Suyuti. (2001). *Tafsir Jalalain* (ke-3 ed.). Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Marbawi, I. (2013). *Bahrul Madzi Syarah Mukhtashar Shahih at-Tirmidzi*. Selangor: Al-Hidayah.
- Al-Qurtubi. (2006). *Jami' li Ahkam al-Quran wa al-Mubayyin li Ma Tadhommanahu Min as-Sunnah wa Ayyi al-Furqan*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- al-Tabari, J. (1994). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayyi al-Quran*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- al-Tabari, J. (2001). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayyi al-Quran*. Kaherah.
- al-Tahawi, A. (2018). *Aqidah Tahawiyyah*. (R. A. Mukhlis, Trans.) Selangor: ASWJ Research Group.
- al-Zuhaili, W. (2009). *Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- At-Tamimi. (2001). *I'tiqad al-Imam al-Munabbal Abi Abd Allah Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Engku Ibrahim. (2003). *Pemahaman Masyarakat Islam Terhadap Sifat Mutasyabihat: Suatu Kajian di Daerah Kuala Terengganu*. Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya.
- Faiz Hakimi. (2016). Metode Wasatiyyah Sharh al-Nawawi dan al-Mubarakfuri Terhadap Hadith Mutasyabihat Dalam Sahih Muslim: Kajian Sikap Agamawan di Kuala Terengganu, Terengganu. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibn Hazm. (1996). *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' an-Nihal*. Beirut: Dar al-Jiil.
- Ibn Kathir, A.-F. (1998). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Kathir, A.-F. (1999). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Dar Thibah li an-Nasyr wa at-Tauzi'.
- Muhadir Joll. (2020). *Sifat 20: Suatu Pengenalan Asas* (ed. ke-7). Petaling Jaya: Galeri Ilmu.
- Munzir al-Musawa. (2007). *Kenalilah Akidahmu*. Jakarta: Majelis Rasulullah Org.
- Mustaffa Abdullah. (2014). *Ulum al-Quran* (ke-2 ed.). Malaysia: OUM.
- Rashidi Wahab, & Syed Hadzrullathfi . (2014). Persoalan Mutasyabihat Mengenai Istiwa. *Jurnal Usuluddin*(39), 33-69.
- Rashidi Wahab, & Syed Hadzrullathfi. (2012). Takwilan Nas-nas Sifat Mutashabihat Dalam Kalangan Salaf. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 77-85.
- Rashidi Wahab, Shahrizal Nasir, & Syed Hadzrullathfi. (2014). Implikasi Penafian Majaz al-Quran Terhadap Nas-nas Sifat Mutashabihat. *Jurnal Islam dan Kemasyarakatan Kontemporari*(8), 136-152.
- Sobri Elias, Fauzi Hamat, & Hasrul Shuhari. (2014). Wacana Tauhid Dalam Surah al-Ikhlash: Analisis Menurut Perspektif Sunni. *Jurnal Usuluddin*, 39, 1-31.